

25 JUN 1999

Najib-P/Raya

BN BANYAK MODAL UNTUK TOLAK DAKYAH PEMBANGKANG, KATA NAJIB

PEKAN, 25 Jun (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) mempunyai banyak modal untuk diutarakan bagi menolak sebarang dakwah parti pembangkang yang bertujuan mengelirukan rakyat dalam sesuatu isu, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Beliau berkata sepanjang tempoh pemerintahannya, kerajaan BN melakukan banyak perkara demi kebaikan rakyat tetapi malangnya pembangkang menyelewengkan fakta-fakta berkaitannya supaya timbul rasa marah rakyat kepada kerajaan.

"Pembinaan lebuhraya merupakan contoh bagaimana pembangkang menyelewengkan fakta iaitu kononnya projek itu akan menyusahkan rakyat tetapi sebaliknya terlalu banyak faedah yang boleh dikecapi daripada lebuhraya berkenaan," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata projek Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang akan dilaksanakan kelak boleh mencetuskan kepada pembaharuan yang begitu besar kepada kawasan Pantai Timur, termasuk di Pahang sendiri.

Najib berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang meminta semua parti komponen BN menumpukan perhatian kepada isu-isu yang menguntungkan BN termasuk soal pembangunan ekonomi luar bandar, pemulihan ekonomi negara dan pendidikan yang boleh menarik sokongan rakyat.

Mengenai pemulihan ekonomi, Najib berkata kesahihan tentang perangkaan yang dikeluarkan oleh kerajaan yang menunjukkan ekonomi negara semakin pulih tidak perlu dipersoalkan oleh mana-mana pihak.

"Saya tidak faham apa yang dikatakan (oleh pembangkang) sebagai satu benda yang tidak ada kebenaran ataupun pemulihan ini tidak mampan tetapi sebenarnya boleh dikatakan semua petunjuk ekonomi menampakkan perubahan positif," katanya lagi.

Mengenai mesyuarat Dewan Tertinggi BN semalam, Najib berkata mesyuarat itu tidak membincangkan tentang calon atau pembahagian kerusi kerana yang penting ialah untuk menumpukan perhatian kepada pemupukan semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan parti-parti komponen BN.

Semangat BN perlu diutamakan bagi mengelak timbulnya sebarang pergeseran di kalangan parti-parti komponen, katanya.

-- BERNAMA

ROS PR